

# Falsafah Rukun Negara bukan sekadar dihayati

**Prof Emeritus  
Datuk Ir Dr  
Mohd Azraai  
Kassim**



*Naib Canselor Universiti  
Teknologi MARA (UiTM)*

**Bulan** Julai ini, usia Rukun Negara memasuki separuh abad atau 50 tahun. Ia dilancarkan selepas negara mengalami detik pahit pada 13 Mei 1969.

Rusuhan kaum ketika itu mendorong Kerajaan Perikatan yang memerintah bertindak segera untuk menyatukan semula rakyat berbilang kaum negara ini.

Perpaduan, rasa hormat-menghormati menjadi keutamaan yang tidak boleh diambil mudah.

Rukun Negara menjadi tonggak perpaduan kaum dengan tujuan, setiap rakyat negara ini menyedari, menerima dan memahami hakikat bahawa kepelbagaian kaum, agama serta budaya di negara ini adalah satu rahmat yang perlu dimanfaatkan bersama. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.

Kini, Rukun Negara bagai diabaikan. Meskipun di sekolah diajar dan dibicarakan, kepentingan Rukun Negara semakin tidak diutamakan.

Malah, tidak keterlaluan dikatakan, mungkin sudah ada terlepas pandang dan terlupa kepentingan Rukun Negara. Justeru, tidak menghairankan sehingga ada yang terlupa akan kewujudan Rukun Negara dan falsafahnya.

Menyingkap kembali zaman per-

sekolahan ketika Rukun Negara diperkenalkan. Keharmonian bertemu dan bermain dengan rakan satu amalan sungguh mengasyikkan. Apatah lagi, berkawan tanpa mengenal kaum. Semua bagai diatur tanpa ada prasangka.

Semua itu dilalui penuh harmoni dengan masing-masing akur betapa perlu kita saling memahami dan menghormati kepelbagaian agama, bangsa serta budaya.

Persoalannya, kebelakangan ini kenyataan demi kenyataan dan keluhan berbau perkauman yang sensitif semakin berani dicituskan, sama ada ahli politik mahupun rakyat biasa.

Falsafah, prinsip dan keperluan kepada Rukun Negara semakin diketepikan. Apakah media sosial penyebabnya? Mungkin pengendali media sosial yang punya angkara atau kesalahan mendidik generasi muda menjadi dalangnya?

Apapun alasan, tuduhan dan punca diberikan, ia adalah suasananya tidak membantu malah, hanya memburukkan keadaan. Jadi, bagaimanakah ia harus ditangani? Apa yang perlu dilakukan?

Tanggal 13 Mei 1969 adalah sejarah hitam negara kita yang mengaibkan. Negara kita dilanda rusuhan kaum, sekali gus mencatatkan keharmonian antara kaum yang kita nikmati sesudah mencapai kemerdekaan pada 1957.

Namun, pada hakikatnya, akibat kejadian itu maka, timbul kesedaran, keinsafan dan kesungguhan serta pengakuan betapa perlu perpaduan kaum di negara ini.

Tanpa perpaduan, sudah tentu negara akan menjadi huru-hara

apabila setiap kaum akan memperjuangkan hak dan kepentingan masing-masing.

Satu titik pertemuan, kebersamaan perlu dicari, manakala segala perbezaan perlu dirai. Pada hakikatnya, inilah roh, falsafah dan semangat yang terkandung pada Rukun Negara.

Rukun Negara adalah ideologi dan falsafah yang punya makna mendalam. Berteraskan lima prinsip:

1. Kepercayaan Kepada Tuhan
2. Kesetiaan Kepada Raja dan Negara
3. Keluhuran Perlembagaan
4. Kedaulatan Undang-Undang
5. Kesopanan dan Kesusilaan

Lima prinsip ini sekiranya diteliti dan dihayati dengan sepenuhnya oleh seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, sudah tentu akan menghasilkan masyarakat yang bersatu serta mengetepti perbezaan demi kehidupan harmoni. Malah, Rukun Negara mampu membentuk generasi punya nilai murni tinggi.

Sejak kecil, kita sudah diajar untuk sentiasa menanamkan sifat baik serta nilai murni positif. Nilai ini turut beriringan dengan norma budaya negara yang memberi penekanan terhadap aspek kesopanan seseorang.

Cuma, perkara dikesalkan dalam aspek ini ialah masyarakat hari ini sudah mula melupakan nilai murni yang pernah dipelajari.

Tidak dinafikan, Malaysia kini gigih dalam menongkang arus globalisasi yang membawa pelbagai cabaran dalam menghadapi rencah kehidupan.

BH - 4/7/2020 m/s: 11

Antara cabaran paling besar ialah pudar nilai murni yang menjadi asas kepada pembentukan masyarakat berakhlak.

Tidaklah kita impikan kelahiran generasi baharu yang pintar akalunya, sopan tutur bicaranya, bersopan santun dan menghormati sesama manusia?

Semua ini bermula daripada penerapan nilai murni yang semakin dilupakan. Jika nilai murni ini tidak diwarnakan kembali, bagaimana kita akan memperoleh generasi yang kita impikan? Tepuk dada, tanya hati.

Persoalannya, apakah amalan nilai murni yang dapat membawa ke arah pembentukan masyarakat berakhlak? Pada suatu ketika, generasi kita terasuh dengan budaya dan adab sopan yang menitikberatkan nilai murni dalam setiap percakapan dan perbuatan.

Malah, mereka sentiasa meletakkan nilai murni ini sebagai pelengkap dalam kehidupan bermasyarakat. Hal ini dapat kita lihat melalui pantun Melayu dicipta yang banyak menekankan soal berbudi bahasa dan berhemah tinggi.

Kini semuanya semakin mudah, terhakis, dikikis dan punah dek pembangunan teknologi.

Masalah ini perlu diatasi bermula dari akar umbi. Antara langkah yang boleh diambil untuk mewarnai semula nilai murni ini ialah dengan menghayati prinsip Rukun Negara.

Menghayati prinsip dalam erti untuk menjadikan ia amalan dalam kehidupan bermasyarakat dengan nilai positif dan konstruktif.

Secara keseluruhannya, nilai

murni yang baik itu mula bertambah sejak kecil dan ia dilihat semakin memudar mengikut peradaran zaman. Paling polemik ialah ketandusan nilai murni dalam kalangan remaja masa ini yang berkait rapat dengan sosiologi dan antropologi.

Sosiologi atau ilmu kemasyarakatan yang dipelajari membantu kita memahami isu berkenaan keluarga dan masyarakat, seterusnya membolehkan perbincangan serta cadangan penyelesaian terhadap isu kemerosotan nilai mulia dalam kalangan remaja.

Isu ini boleh dipengaruhi oleh dua aspek iaitu, aspek keluarga dan budaya. Budaya yang diamalkan dalam keluarga itu akan mempengaruhi keperibadian ahli keluarga. Budaya yang berunsur positif atau negatif akan dipelajari dan diperturunkan daripada satu generasi ke generasi berikutnya.

Oleh sebab itulah, ibu bapa perlu sentiasa memberikan contoh terbaik kepada anak mereka. Bagaimanapun, aspek masyarakat juga sedikit sebanyak menyumbang kepada isu kemerosotan nilai ini akibat pengaruh budaya daripada luar institusi keluarga.

Setiap lapisan masyarakat perlu memainkan peranan masing-masing supaya nilai mulia yang kita miliki ini dapat terus mewarnai kehidupan kita. Seterusnya, diturunkan kepada generasi yang berikutnya. Penghayatan dan falsafah Rukun Negara perlu berlandaskan peribahasa 'alah bisa, tegal biasa'.

Natijah yang dituai bukan kapalang ertinya apabila Rukun Negara dijiwai setiap individu.